

**Demo 901: '17 nama dalam senarai polis'**  
**MalaysiaKini.com**  
**February 15,2012**  
**Abdul Rahim Sabri**

Seramai 17 orang, antaranya Pengerusi BERSIH Datuk S Ambiga dan pemimpin pembangkang, dikenalpasti polis terlibat dalam perhimpunan menyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 9 Januari lalu, dakwa PKR.

Naib presidennya N Surendran berkata, nama-nama itu disebut dalam laporan polis oleh Ketua Polis Daerah Sentul ACP Zakaria Pagan, yang menyebabkan Timbalan Presiden PKR Azmin Ali dipanggil memberi keterangan hari ini.

Surendren (kanan) yang juga seorang peguam berkata polis akan menggunakan Seksyen 105 Kanun Prosedur Jenayah yang membolehkan polis "sedia menahan" mereka kerana terlibat dalam perhimpunan haram dan disyaki mengganggu ketenteraman awam.

"Perkara ini mesti dihentikan," kata ketika ditemui pemberita selepas menemani Azmin memberi keterangan di Balai Polis Kepong berhubung isu yang sama.

Katanya, antara individu tersebut terdiri daripada pemimpin politik, NGO dan aktivis.

Selain Ambiga, mereka antaranya pemimpin kanan PKR, termasuk Tian Chua (naib presiden), Shamsul Iskandar Mat Akin (ketua pemuda) dan Zuraida Kamaruddin (ketua wanita).

Manakala aktivis yang termasuk dalam senarai itu, Hishamuddin Rais, Maria Chin, Badrul Hisham Shahrin, Haris Ibrahim, Wong Chin Huat, Edmond Bond dan E Nalini.

Azmin yang berada di sisi Surendran kemudiannya mencelah:

"Nama saya tidak ada (dalam laporan polis itu) tetapi dipanggil untuk disiasat di bawah Akta Hasutan.

"Ini satu yang pelik, tetapi boleh berlaku dalam siasatan," katanya.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd  
<http://www.malaysiakini.com/news/189196>